

2,000 anak Pahang sertai Larian Tok Gajah KL 2024

KUALA LUMPUR – Kira-kira 2,000 anak perantauan Pahang menyertai Larian Tok Gajah Kuala Lumpur 2024 di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini semalam.

Acara larian yang mendapat kerjasama daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Kuala Lumpur Car Free Morning (KLCFM) itu bermula kira-kira pukul 7 pagi melibatkan jarak antara lima dan tujuh kilometer mengelilingi di ibu kota.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, acara larian tersebut adalah pertama kali diadakan di luar negeri Pahang dan ia telah mendapat sambutan baik daripada anak perantau Pahang.

"Hampir 2,000 anak-anak perantau Pahang menyertai larian pada pagi ini (semalam). Dengan adanya Larian Tok Gajah seperti ini ia dapat mengeratkan hubungan silaturahim anak-anak Pahang yang berada di luar Pahang.



ORANG ramai termasuk anak perantauan Pahang hadir memeriahkan Larian Tok Gajah Kuala Lumpur di Dataran DBKL, Kuala Lumpur semalam.

"Saya percaya ini bukan yang pertama dan juga bukan yang terakhir. Kita akan buat dari semasa ke semasa,"katanya ketika ditemui selepas pada sidang akh-

bar selepas merasmikan Larian Tok Gajah Kuala Lumpur di sini semalam.

Wan Rosdy berkata, pemilihan Kuala Lumpur sebagai venue aca-

ra larian itu adalah kerana ramai anak perantau Pahang berada di ibu kota.

Katanya, lebih 92,000 anak-anak Pahang berada di sekitar

Lembah Klang ketika ini.

"Program ini juga adalah sebahagian daripada aktiviti yang telah dirancang oleh Sekretariat Perantau Anak Pahang yang telah ditubuhkan pada 5 Januari lalu," ujarinya.

Sementara itu, mengulas mengenai sekretariat berkenaan, Wan Rosdy berkata, ia ditubuhkan sebagai satu platform kepada kerajaan Pahang untuk menyalurkan maklumat yang tepat dan sahih kepada anak Pahang di perantauan.

"Sekretariat ini ada pejabat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di tingkat 6. Anak-anak Pahang sekiranya ada apa-apa urusan dan pertanyaan bolehlah terus pergi ke pejabat ini.

"Dengan adanya sekretariat ini juga anak-anak Pahang akan mendapat maklumat tepat supaya dapat menangkis maklumat palsu dan sentimen negatif yang cuba disebar oleh pihak tertentu," katanya.